

**PERBANDINGAN MASUKAN KAMUS ISTIMEWA
PERIBAHASA MELAYU (1989) DENGAN KAMUS
PERIBAHASA KONTEMPORARI (2001)**

KAMARZIYAH BINTI MASRI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2005

**PERBANDINGAN MASUKAN KAMUS ISTIMEWA
PERIBAHASA MELAYU (1989) DENGAN
KAMUS PERIBAHASA KONTEMPORARI
(2001)**

KAMARZIYAH BINTI MASRI

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2005

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

13. 05. 2005

.....
KAMARZIYAH BINTI MASRI
M20021000813

PENGHARGAAN



Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinan-Nya dapat saya menyiapkan kajian ilmiah ini sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Bahasa Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Penulisan ini telah memberi peluang kepada saya untuk menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman melalui pembacaan, penelitian dan perbincangan. Secara tidak langsung melalui kajian ilmiah ini, telah menguji kesabaran dan ketekunan saya dalam menghadapi pelbagai cabaran. Justeru, saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan khusus kepada penyelia saya, **Profesor Abdullah Hassan** dan **Tuan Haji Ahmad Khair Mohd. Nor** yang tidak jemu dan tidak mengenal penat lelah dalam memberi dorongan, bimbingan, pandangan yang membina dan telah banyak memberi tunjuk ajar serta sudi membaca, menyemak dan membetulkan segala kesilapan yang terdapat dalam proses menyiapkan kajian ilmiah ini. Segala pertolongan dan dorongan yang diberikan oleh beliau itu hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya. Sumbangan beliau itu akan saya abadikan dalam kenangan sehingga akhir hayat.

Penghargaan ini saya tujukan kepada teman-teman seperjuangan yang telah sudi berbincang, memberi pandangan dan tunjuk ajar serta sokongan moral sehingga kajian ilmiah ini dapat disiapkan. Hanya Allah s.w.t sahaja yang dapat membalasnya.

Tidak ketinggalan juga kepada orang yang teristimewa dalam hidup saya sehingga saat ini iaitu arwah ibu Fatimah binti Adam yang sempat memberi galakan dan perangsang untuk saya meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Pengkhususan juga diberikan kepada keluarga yang sama-sama membantu dalam memberi sokongan moral untuk saya meneruskan pengajian ini sehingga selesai. Tiada ungkapan indah yang mampu diluahkan sebagai tanda terima kasih atas segala-galanya selama ini. Semuanya ini akan kekal dalam memori hidup saya. Kasih sayang kalian akan dikenang dalam setiap doaku. Semoga Allah menganugerahkan taufik dan hidayah serta kebahagiaan kepada kalian di dunia dan di akhirat.

Akhir kata, saya mengharap kajian ilmiah ini dapat memberi sumbangan dan manfaat kepada para pendidik, pengkaji dan penyelidik yang berminat mengkaji peribahasa baru demi menambah khazanah Melayu yang kian pudar dipengaruhi peredaran zaman.

Sekian. Wassalam.

Kamarziah Binti Masri
Fakulti Bahasa,
Program Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu,
UPSI 2002/2005

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian tentang perbandingan masukan peribahasa daripada Kamus Istimewa Peribahasa (1965) dan Kamus Peribahasa Kontemporari (2001). Tujuan kajian ilmiah ini dijalankan adalah untuk melihat sejumlah peribahasa yang termuat dalam Kamus Peribahasa Kontemporari terbentuk melalui beberapa proses dan kaedah pembentukannya berbanding dengan peribahasa yang terdapat di dalam Kamus Istimewa Peribahasa Melayu. Bagi tujuan ini, kaedah menganalisis kandungan telah digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data. Pengkaji mengumpul data dengan membuat perbandingan dua buah kamus peribahasa iaitu Kamus Istimewa Peribahasa dan Kamus Peribahasa Kontemporari, di samping kaedah kepustakaan dibuat untuk mencari rujukan tentang teori-teori yang berkaitan dengan peribahasa. Hasil daripada kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa berlakunya perkembangan peribahasa iaitu daripada 4359 peribahasa yang terdapat di dalam Kamus Istimewa Peribahasa Melayu menjadi 6192 peribahasa daripada huruf A hingga K dalam Kamus Peribahasa Kontemporari. Keadaan ini jelas menunjukkan wujudnya peribahasa baru. Daripada hasil kajian yang dibuat, telah dikenal pasti sebanyak 6192 peribahasa baru yang terhasil. Boleh dikatakan hampir keseluruhan peribahasa baru yang telah dikenal pasti ini diguna pakai oleh para remaja dalam kehidupan seharian mereka. Justeru, dapatlah disimpulkan bahawa peribahasa terbentuk tanpa mengira zaman dalam kehidupan seharian kita, khususnya golongan muda hari ini untuk membentuk peribahasa baru. Peribahasa ini telah bertambah dari hari ke hari tanpa diketahui dengan jelas kerana pembentukannya berlaku tanpa disedari oleh penutur mahupun pendengar peribahasa itu sendiri.

ABSTRACT

This research is a comparison study of proverbs entries from Kamus Istimewa Peribahasa (1965) dan Kamus Peribahasa Kontemporari (2001). The purpose of this academic research is to identify several processes and methods of proverbs existence in Kamus Peribahasa Kontemporari compared to those in Kamus Istimewa Peribahasa Melayu. Thus, the researcher conducted a content analysis method to gather data of two proverb dictionaries mentioned. A part from that, a library research has been conducted to find related theories as point of reference. Based on the research, 4359 proverbs in Kamus Peribahasa Kontemporari have developed from 6192 proverbs (A to K) in Kamus Istimewa Peribahasa. It is a clear evidence of the existence of 6192 new proverbs. Almost entire of it has been used by youths in their daily life. As a conclusion, new proverbs will continue to develop especially by the young generation. Hence, the growing numbers of these proverbs continue to happen unnoticeably by its users and listeners.

KANDUNGAN

	Halaman
HALAMAN JUDUL	
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK DALAM BAHASA MELAYU	iv
ABSTRAK DALAM BAHASA INGGERIS	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
BAB 1 : PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Fokus Utama	8
1.3 Tujuan Kajian	9
1.4 Soalan Kajian	9
1.5 Kepentingan Kajian	10
1.5.1 Masyarakat	10
1.5.2 Pengkaji	11
1.5.3 Pendidikan	12
1.5.4 Para Guru	12
1.5.5 Para Pelajar	12
1.5.6 Para Penulis	13
1.6 Batasan Kajian	14
1.7 Kaedah Kajian	14
1.8 Definisi Istilah	15
1.8.1 Perbandingan	15
1.8.2 Masukan	15
1.8.3 Kamus	16
1.8.4 Peribahasa	16
1.8.5 Kontemporari	18

BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	19
2.2 Literatur Berkaitan	20
2.2.1 Kajian oleh Pengkaji Luar Negara	20
2.2.2 Kajian oleh Pengkaji dalam Negara Malaysia	26
2.2.2.1 Jenis-jenis Peribahasa	36
2.2.2.2 Proses-proses Pembentukan Peribahasa	45

BAB 3 : KAEDAH KAJIAN

3.1 Pengenalan	56
3.2 Reka Bentuk Kajian	56
3.3 Alat Kajian	60
3.4 Prosedur Pengumpulan Data	60
3.5 Prosedur Penganalisan Data	65

BAB 4 : KEPUTUSAN KAJIAN

4.1 Dapatan Kajian	67
4.2 Peribahasa-peribahasa Baru yang Wujud daripada Bandingan Dua Kamus	68
4.3 Peribahasa Baru yang Dihasilkan Melalui Proses-proses Pembentukan Peribahasa	83
4.3.1 Contoh Peribahasa Baru Melalui Proses Perbandingan Makna	83
4.3.2 Contoh Peribahasa Baru Melalui Proses Peluasan Makna	84
4.3.3 Contoh Peribahasa Baru Melalui Proses Kata-kata Dialek atau Slanga	86
4.3.4 Contoh Peribahasa Baru Melalui Proses Kata-kata Bahasa Asing	86
4.3.5 Contoh Peribahasa Baru Melalui Proses Fenomena Politik	88
4.3.6 Contoh Peribahasa Baru Melalui Proses Fenomena Ekonomi	90
4.3.7 Contoh Peribahasa Baru Melalui Proses Fenomena Sosial	91
4.3.8 Contoh Peribahasa Baru Melalui Proses Unsur-unsur Etika	92
4.3.9 Contoh Peribahasa Baru Melalui Proses Fenomena Adat	94
4.3.10 Contoh Peribahasa Baru Melalui Proses Fenomena Alat Keperluan dan Benda di Sekeliling	95
4.4 Kaedah-kaedah Lain Pembentukan Peribahasa Baru	97
4.4.1 Menukar keseluruhan perkataan baru dalam peribahasa lama dengan makna yang sama	98
4.4.2 Menukar beberapa perkataan baru dalam peribahasa lama dengan makna yang sama	99
4.4.3 Peribahasa Baru dan makna yang baru (Peribahasa Terbaru – Original)	100

4.4.4	Menukar makna tetapi peribahasa tetap sama	101
4.4.5	Penambahan perkataan dalam peribahasa dengan makna yang tetap sama	102

BAB 5 : RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	105
5.2	Rumusan	105
5.3	Perbincangan	111
5.4	Analisis dan Cadangan Penggunaan Peribahasa Baru dalam Buku Teks	116
5.5	Cadangan Cara-cara Mengajar Peribahasa Baru	119
5.5.1	Kepentingan Pengajaran dan Pembelajaran Peribahasa	119
5.5.2	Menghurai Pembentukan Peribahasa Baru	123
5.5.3	Contoh Rancangan Pelajaran Harian	123
5.6	Peribahasa Baru Hasil daripada Analisis Dokumen terhadap Media Massa	127
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	128

RUJUKAN LAMPIRAN 130

Lampiran A	– Senarai Peribahasa Baru daripada Kamus Kontemporari
Lampiran B	– Senarai Peribahasa dalam Buku Teks Sekolah Menengah
Lampiran C	– Senarai Peribahasa daripada Analisis Kandungan terhadap Media massa
Lampiran D	– Kebenaran Menggunakan Kemudahan Perpustakaan
Lampiran E	– Borang Penyeliaan
Lampiran F	– Bahan-bahan Bantuan Mengajar dalam Rancangan Pelajaran Harian

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
Jadual 3.1	Peringkat dalam Penyelidikan	63
Jadual 4.1	Jumlah Kekerapan Peribahasa Mengikut Kategori	69
Jadual 5.1	Klasifikasi Penggunaan Peribahasa dalam Buku Teks Mengikut Kekerapan	116
Jadual 5.2	Jenis-jenis Peribahasa Baru	127

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
Rajah 2.1	Pembahagian Peribahasa Menurut Za'ba	35
Rajah 2.2	Pembahagian Peribahasa menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd	35

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Peribahasa merupakan salah satu unsur kekayaan sesuatu bahasa dan bangsa dalam konteks warisan budaya dan ketrampilan penggunaan bahasa. Ini kerana ungkapan dalam peribahasa tersirat di dalamnya makna yang cukup mendalam lagi persis untuk tujuan kelancaran komunikasi lisan dan tulisan. Hampir setiap bangsa mempunyai bentuk-bentuk peribahasa sendiri dan peribahasa sesuatu bangsa itu mencerminkan watak bangsa tersebut.

Tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan ialah ungkapan yang tepat untuk menggambarkan kedudukan peribahasa Melayu. Menurut A. Samad Idris (1990: ix) sebagai salah satu warisan bangsa Melayu yang unggul, peribahasa Melayu tetap dipertahan dan digunakan dalam peribagai kesempatan. Sebagai salah satu mutiara bangsa, peribahasa Melayu telah diterima umum sebagai salah satu sumber budaya yang dapat mengungkap falsafah yang mendalam, memperlihatkan bangsa Melayu sudah bertamadun dan bermaruah sejak berkurun-kurun lalu.

Bertitik tolak daripada tuntutan kehidupan inilah maka peribahasa telah dicipta oleh manusia. Oleh itu, Za'ba (1965: 174) dalam bukunya Ilmu Mengarang Melayu mendefinisikan peribahasa sebagai segala ungkapan yang telah dituturkan oleh orang ramai sejak beberapa lama, iaitu ungkapan yang dituturkan itu sesuai dan bijak perkataannya, luas dan tujuannya diketahui. Peribahasa diungkapkan oleh penutur sebagai bandingan, teladan dan pengajaran. Peribahasa juga dikatakan bidalan, pepatah dan perumpamaan kerana setiap satunya mengandungi segala sifat bahasa yang disentuh itu.

Menurut beliau lagi, peribahasa meliputi kesemua ciri yang dinyatakan itu. Bidalan lebih menekankan sesuatu perkara yang sentiasa menjadi perbualan orang ramai, dijadikan sebagai bandingan dan teladan yang terdapat pada peribahasa itu. Perbilangan pula berkerat-kerat yang disebut satu satu seperti orang membaling dan isinya telah dihitungkan seperti undang-undang. Pepatah lebih memberatkan tentang sifat ringkasnya, bijak perkataannya dan benar pengajarannya manakala perumpamaan ialah peribahasa yang menyebut sesuatu maksud dengan dikiaskan kepada sesuatu perkara lain dan menyebabkan terjadinya perkara erti dua lapis.

Dalam buku Ilmu Mengarang Melayu ini, beliau meletakkan peribahasa Melayu setara dengan simpulan bahasa dan kiasan. Peribahasa dipecahkan kepada kategori utama iaitu peribahasa yang membawa makna selapis, peribahasa berlapis dan lidah pendeta. Beliau meletakkan bidalan, perbilangan dan pepatah sebagai peribahasa yang membawa makna selapis. Peribahasa makna selapis ialah perkataannya jelas, apa yang dikatakan mempunyai maksud, bahasanya sukar difahami kerana ringkas atau menggunakan perkataan-perkataan yang lama.

Peribahasa dua lapis pula menurut beliau ialah peribahasa yang makna perkataan yang diujar lain dengan maksud sebenarnya. Contohnya, perumpamaan yang dimulakan dengan perkataan bagi, laksana, seperti dan sebagainya. Dalam kategori lidah pendeta pula, beliau menyenaraikan sembilan jenis kiasan iaitu kiasan asal, kiasan berpindah, kiasan pemanusiaan, kiasan berkacau, tamsil, ibarat, kias ibarat, tamsil ibarat dan cerita ibarat.

Abdullah Hussein (1989: vii) dalam bukunya Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua menyatakan peribahasa ialah salah satu cabang sastera lama yang berkembang sejak dari dahulu lagi dan masih kekal sehingga kini. Gambaran atau cerminan sesuatu bangsa dapat digambarkan menerusi peribahasa.

Menurut beliau lagi, asal-usul peribahasa dalam masyarakat Melayu dapat dilihat menerusi tiga sumber iaitu;

- i. Rakyat jelata yang mencipta peribahasa melalui pengalaman hidupnya.
- ii. Orang-orang arif bijaksana yang mengeluarkan ungkapan kata-kata hasil daripada renungannya, dan
- iii. Kitab suci

Seterusnya Abdullah Hussein yang dipetik daripada Ismail Salleh (Jurnal Dewan Bahasa: Jun 1990) menerangkan bahawa hal yang sedemikian berlaku kerana peribahasa dan simpulan bahasa serta bahasa kiasan telah wujud dalam masyarakat semenjak zaman berzaman lagi. Peribahasa yang sedia ada terus diungkap atau dituturkan, manakala peribahasa yang baru terus dicipta, umpama patah tumbuh

hilang berganti mengikut peredaran zaman. Usia peribahasa dikatakan sama dengan kewujudan bangsa dan bahasa Melayu itu sendiri.

Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2004) dalam bukunya yang terbaru Kamus Peribahasa Kontemporari, peribahasa merupakan salah satu daripada cabang bahasa kiasan. Bahasa kiasan ialah ungkapan-ungkapan yang maknanya tidak boleh diketahui daripada makna perkataan itu sendiri atau pun daripada susunan tatabahasanya. Bahasa kiasan tergolong kepada dua jenis iaitu peribahasa dan bukan peribahasa. Kiasan yang sudah mantap dari segi bentuk bahasanya dan maknanya diistilahkan sebagai peribahasa, manakala kiasan yang tidak mantap bentuk dan maknanya diistilahkan sebagai bukan peribahasa. Beliau membahagikan peribahasa kepada empat jenis iaitu simpulan bahasa, pepatah (perbilang), bidalan dan perumpamaan.

Menurutnya lagi, simpulan bahasa ialah ungkapan yang biasanya terdiri daripada dua atau tiga perkataan dan mempunyai makna yang berlainan sama sekali daripada makna asal perkataan-perkataan tersebut. Pepatah atau perbilang ialah ungkapan-ungkapan yang berasal daripada pesaka adat resam dan makna ungkapan-ungkapan itu tidak berubah. Fungsi pepatah adalah sebagai pedoman hidup anggota masyarakat yang mengamalkan sesuatu adat resam dan memiliki ciri-ciri puisi tradisional Melayu. Bidalan pula menurut beliau merupakan peribahasa yang berbentuk nasihat yang biasanya menggunakan perkataan jangan, jika dan jikalau yang menunjukkan kata-kata nasihat, teguran, larangan serta suruhan, perumpamaan pula merupakan perbandingan makna yang sangat jelas kerana didahului oleh perkataan seolah-olah, ibarat, bak, seperti, laksana, bagai dan umpama.

Dalam Glosari Istilah Kesusasteraan selanggaraan Safiah Hussin dan rakan-rakan (1988: 247), peribahasa merupakan susunan kata yang pendek dan kekal menjadi percakapan orang Melayu semenjak beberapa lama disebabkan oleh sedap dan bijak kata-katanya, luas dan benar tujuannya dan digunakan menjadi sebut-sebutan sebagai bandingan, teladan dan pengajaran. Menurut mereka lagi, bidalan, pepatah, perbilangan dan perumpamaan adalah antara yang mengandungi sifat-sifat peribahasa yang disebutkan itu, dan mempunyai bentuk dan sifat yang tersendiri.

Dalam buku glosari ini membahagi peribahasa kepada dua jenis iaitu peribahasa yang bererti selapis dan peribahasa yang bererti dua lapis. Peribahasa yang bererti selapis termasuklah di dalamnya bidalan, pepatah dan perbilangan, manakala peribahasa yang bererti dua lapis disebut perumpamaan.

Peribahasa yang bererti selapis bermaksud peribahasa yang mengandungi kata-kata yang mempunyai erti sebagaimana yang tersurat; apa yang dikatakan, itulah juga maksudnya. Peribahasa yang seperti ini disebut bidalan atau pepatah. Perbilangan juga tergolong sebagai peribahasa yang mempunyai erti selapis. Sementara peribahasa yang bererti dua lapis disebut perumpamaan iaitu maknanya lain daripada yang disebutkan.

Peribahasa biasa digunakan bukan sahaja untuk menghiasi karangan dan percakapan, tetapi juga untuk menguatkan tujuan karangan dan percakapan itu. Kebanyakannya boleh menjadi pedoman hidup kerana isinya yang benar dan luas itu. Sungguhpun begitu, kekeliruan seringkali timbul dalam menghuraikan bentuk-bentuk atau sifat-sifat antara bidalan, perbilangan, pepatah dan perumpamaan.

Menurut Kamaluddin Mohammad atau Kris Mas (1988:135) pula, peribahasa ialah sejenis gaya percakapan atau ujaran yang berisi kebijaksanaan fikiran dan pemerhatian yang tersusun dalam bentuk ringkas, indah, sedap didengar dan benar pada perasaan dan fikiran. Setiap peribahasa itu sudah lama terbentuk dan dipakai dalam pergaulan umum dan menjadi kata-kata bandingan, teladan serta pengajaran.

Edward Djamaris (1990: 29-31) pula menyatakan peribahasa sebagai kalimat yang dalam dan luas maknanya. Ini kerana apabila menjelaskan maknanya keterangan yang panjang lebar diperlukan. Secara ringkas peribahasa terbahagi kepada dua iaitu peribahasa khusus dan peribahasa universal. Peribahasa khusus ialah peribahasa yang menggambarkan sifat atau watak khusus golongan masyarakat atau suatu bangsa manakala peribahasa yang bersifat universal pula berlaku secara umum untuk semua orang dan segala zaman serta dapat ditafsirkan yang sesuai dengan suasana dan situasi peribahasa itu digunakan.

Selain itu, peribahasa mempunyai erti kiasan dan merupakan suatu perumpamaan yang tepat, halus dan jelas kerana peribahasa merupakan mutiara bahasa, mestika bahasa, bunga bahasa dan mempunyai keindahan bahasa yang tersendiri. Peribahasa itu juga sering digunakan sebagai nasihat, sindiran-sindiran atau cacian halus, pujian dan sebagai bahasa diplomasi dalam kehidupan seharian.

Dalam mengembangkan huraian tentang peribahasa, yang perlu diketahui adalah tentang jenis-jenis peribahasa. Oleh itu, penjelasan ini perlu dilihat berdasarkan pendapat-pendapat ahli bahasa berhubung perkara tersebut. Za'ba dalam buku Ilmu Mengarang Melayu (1965) memecahkan peribahasa kepada tiga kategori utama

iaitu peribahasa yang membawa makna selapis (bidalan, perbilangan dan pepatah), peribahasa berlapis (perumpamaan) dan lidah pendeta (kiasan asal, kiasan berpindah, kiasan pemanusiaan, kiasan berkacau, tamsil, ibarat, kias ibarat tamsil ibarat dan cerita ibarat)

Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, (2004) pula meletakkan peribahasa di bawah bentuk bahasa kiasan. Menurut beliau bentuk-bentuk bahasa kiasan dapat diklasifikasikan kepada dua jenis iaitu peribahasa (pepatah, simpulan bahasa, bidalan dan perumpamaan) dan bukan peribahasa (simili, metafora, personifikasi dan hiperbola).

Arifin Nur (1971: 38-39) dalam bukunya Sastera Melayu Klasik pula telah membahagikan peribahasa kepada lima jenis utama iaitu perumpamaan, bidalan, pepatah, perbilangan dan simpulan bahasa. Menurutnya, alam peribahasa Melayu meliputi kata-kata yang dipilih khas seperti kata-kata hikmah, kata-kata orang tua-tua, yang dapat dijadikan panduan oleh generasi seterusnya. Sekiranya khazanah ini tidak dipelihara, kemungkinan peribahasa akan luput dan hilang daripada dunia Melayu itu sendiri. Kepentingan pengkajian peribahasa baru ini adalah untuk membuka mata generasi masa kini khususnya golongan remaja agar mempelajari secara mendalam peribahasa-peribahasa yang kian dilupakan peranannya dalam masyarakat pada masa kini. Sehubungan itu, melalui penggunaan peribahasa baru dalam pengajaran dan pembelajaran, penggunaan peribahasa dalam majalah-majalah hiburan dan pembukuan peribahasa-peribahasa baru, maka peribahasa ini akan menarik minat generasi muda untuk mempelajarinya kerana golongan terbesar yang membaca majalah berbentuk hiburan dan para pelajar adalah terdiri daripada para remaja.

1.2 Fokus Utama

Dalam kajian ini, pengkaji memberi fokus utama kepada perbandingan peribahasa yang wujud dalam dua buah kamus peribahasa iaitu Kamus Istimewa Peribahasa dan Kamus Peribahasa Kontemporari.

Kajian perbandingan buku ini dilakukan atas tujuan mencari jumlah peribahasa baru yang telah dicipta oleh masyarakat masa kini yang dapat menyambung warisan nenek moyang kita yang tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas itu. Setelah membuat perbandingan pengkaji menyenaraikan peribahasa tersebut mengikut kategori peribahasa yang dinyatakan oleh Abdullah Hassan dan Ainon Mohd untuk memudahkan sesiapa yang ingin menggunakannya. Selain itu, pengkaji melihat peribahasa baru yang timbul itu dari segi perubahan perkataan peribahasa, makna peribahasa dan analogi perlambangan yang membentuk peribahasa tersebut.

Dalam hal ini, pengkaji mengaitkan perubahan itu dengan proses-proses dan kaedah-kaedah yang membentuk peribahasa baru tersebut. Sehubungan itu, pengkaji hanya menganalisis peribahasa baru dalam kamus tersebut untuk abjad A hingga K sahaja kerana jumlah tersebut sudah cukup untuk dianalisis.

Setelah perbandingan dibuat, pengkaji menganalisis peribahasa baru yang terhasil itu berdasarkan kaedah-kaedah pembentukan dengan memberikan contoh-contoh yang jelas.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

- 1.3.1 mengkaji masukan peribahasa baru yang wujud dalam dua buah kamus peribahasa iaitu Kamus Istimewa Peribahasa Melayu dan Kamus Peribahasa Kontemporari.
- 1.3.2 mengkaji sejumlah peribahasa baru yang wujud mengikut kategori berdasarkan Kamus Peribahasa Kontemporari.
- 1.3.3 mengkaji proses-proses atau kaedah-kaedah lain yang menyebabkan berlakunya perubahan atau penambahan kepada sesuatu peribahasa itu.
- 1.3.4 mengkaji kesesuaian peribahasa baru yang boleh digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sama ada pada peringkat sekolah rendah atau sekolah menengah.

1.4 Soalan Kajian

Antara soalan kajian yang difikirkan sesuai untuk kajian ini ialah:

- 1.4.1 Adakah terdapat peribahasa baru yang wujud sekarang ini berdasarkan perbandingan dua buah kamus peribahasa itu?
- 1.4.2 Berapakah peribahasa baru yang wujud berdasarkan kategori peribahasa yang terdapat dalam Kamus Peribahasa Kontemporari berdasarkan kaedah-kaedah pembentukannya?
- 1.4.3 Adakah wujud proses-proses atau kaedah-kaedah lain yang menyebabkan berlakunya perubahan peribahasa baru yang terbentuk itu?

1.5 Kepentingan Kajian

Peribahasa mengandungi makna yang halus dan tepat berupaya mencerminkan ketinggian darjat sesuatu bangsa. Justeru, peribahasa perlu disogokkan penggunaannya dalam penghidupan seharian masyarakat Melayu terutamanya dalam aspek lisan masa kini agar peribahasa itu “tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas”.

Kemantapan sesuatu bangsa itu bergantung kepada penggunaan peribahasa di kalangan penuturnya. Oleh sebab peribahasa merupakan satu variasi bahasa yang mempunyai makna tersirat, maka penggunaannya secara menyeluruh di kalangan masyarakat perlu diberi perhatian sewajarnya agar peribahasa terus berkembang dengan suburnya pada masa-masa akan datang. Oleh itu, kepentingan kajian tentang perbandingan peribahasa yang terdapat dalam kedua-dua kamus tersebut adalah untuk dilihat oleh golongan-golongan berikut:

1.5.1 Masyarakat

Masyarakat kini masih boleh menggunakan peribahasa dalam kehidupan harian mereka bersesuaian dengan makna dan penggunaannya. Selain itu, masyarakat juga dapat menggunakan bahasa dialek, slanga dan sebagainya dalam kehidupan harian mereka sebagai peribahasa untuk membentuk masyarakat sekeliling. Diharapkan masyarakat warga emas, dewasa, dan remaja dapat mempertahankan peribahasa sebagai khazanah lama dan baru. Bagi golongan warga emas dan dewasa, mereka perlulah menyesuaikan peribahasa lama dan memahami penggunaan peribahasa baru untuk membentuk masyarakat moden. Bagi golongan remaja pula, diharapkan mereka perihatin dan mengamalkan peribahasa lama agar berlaku persefahaman komunikasi

antara mereka dengan golongan warga emas dan dewasa. Selain itu, golongan remaja juga haruslah dapat mempertingkatkan khazanah bahasa dan bangsa melalui penciptaan dan penggunaan peribahasa baru.

1.5.2 Pengkaji

Antara kepentingan kajian ini untuk pengkaji dapat dilihat seperti berikut;

- i. pengkaji dapat membandingkan peribahasa yang wujud dalam dua buah kamus peribahasa iaitu buku Kamus Istimewa Peribahasa dan Kamus Peribahasa Kontemporari. Seterusnya pengkaji menyenaraikan peribahasa yang baru itu untuk dijadikan panduan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu khususnya dalam pengajaran peribahasa.
- ii. setelah mengkaji peribahasa-peribahasa yang terdapat di dalam kedua-dua kamus tersebut, maka pengkaji boleh mengguna dan menyesuaikan peribahasa tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajarannya. Keadaan ini akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih bermakna dan menarik melalui pendekatan kontekstual.
- iii. pengkaji dapat mengenal pasti peribahasa-peribahasa baru yang wujud dalam Kamus Peribahasa Kontemporari mengikut proses dan kaedah pembentukannya. Seterusnya, pengkaji mendokumentasikan peribahasa tersebut untuk dijadikan rujukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran peribahasa masa kini.

1.5.3 Pendidikan

Melalui kajian ini, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Unit Perkembangan Kurikulum dapat merangka dan memuatkan peribahasa-peribahasa baru yang terdapat dalam kamus peribahasa terkini seperti Kamus Peribahasa Kontemporari ke dalam buku teks sama ada pada peringkat sekolah rendah atau sekolah menengah supaya berlakunya penyesuaian peribahasa dengan masyarakat kini dan persekitaran global sekarang.

1.5.4 Para Guru

Melalui idea baru tentang peribahasa masa kini, diharapkan para guru yang telah membaca disertasi ini dapat menggunakan peribahasa itu sebagai bahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Selain itu, diharapkan para guru dapat memahami proses-proses dan kaedah-kaedah pembentukan peribahasa agar ilmu tersebut dapat diajarkan kepada para pelajar yang menjadi eset utama wujudnya peribahasa-peribahasa masa kini untuk masa akan datang. Seterusnya, para guru juga dapat mengaplikasikan peribahasa ini sebagai wadah untuk mendidik dan membentuk peribadi mulia pelajar seperti mana saranan Perdana Menteri kita yang mahukan penerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat Malaysia.

1.5.5 Para Pelajar

Para pelajar dapat mengenal bentuk dan rupa peribahasa baru yang terhasil dalam Kamus Peribahasa Kontemporari. Selain itu mereka juga dapat mengenal pasti kaedah-kaedah dan proses-proses peribahasa itu terbentuk. Dengan ini, para guru

boleh menjalankan aktiviti dengan meminta para pelajar mencari peribahasa-peribahasa masukkan yang terdapat di dalam bahan bantu mengajar yang telah digunakan oleh guru-guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti bahan surat khabar dan majalah-majalah tempatan.

1.5.6 Para Penulis

Para penulis dapat menggunakan peribahasa-peribahasa yang terhasil dalam Kamus Peribahasa Kontemporari ini untuk menghasilkan karya-karya genre yang boleh dijadikan bahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti cerpen, novel dan sebagainya bersesuaian dengan para pelajar dan masyarakat moden hari ini.

Selain itu, mereka juga merupakan perekod bahan-bahan untuk dijadikan koleksi agar peribahasa-peribahasa tersebut dapat disampaikan kepada masyarakat dan seterusnya mereka dapat mengaplikasikan peribahasa yang terhasil itu dalam kehidupan harian seperti mana masyarakat zaman silam yang menggunakan peribahasa sebagai alat untuk mendidik masyarakat mereka.

Para penulis juga boleh membukukan peribahasa-peribahasa baru ini ke dalam sebuah kamus yang lebih canggih dan bermutu untuk menambah khazanah bahasa dan bangsa sebagai sumber rujukan masyarakat akan datang khususnya para guru dan para pelajar.